

UMS lakukan sejarah anjur Kejohanan Sukan IPT Sabah

UB 25.9.2016 A14

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melakar satu lagi sejarah sebagai antara peneraju utama pembangunan sukan negeri ini dengan menganjurkan Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Sabah buat julung kalinya selama dua hari bermula kelmarin.

Kejohanan bagi merebut piala Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Dr Mary Yap Kain Ching itu disertai 1226 peserta dan pegawai dari 27 pasukan yang terdiri daripada IPT awam dan swasta, Kolej Universiti, Politeknik, Kolej Komuniti, Institut Latihan dan Kemahiran serta, Institut Pendidikan Guru (IPG).

Antara IPT yang menyertai kejohanan itu ialah UMS, Politeknik Kota Kinabalu, Institusi Perguruan Tawau, Kolej Vokasional Tawau, Institut Latihan Perindustrian Kota Kinabalu, Asian Tourism International College, Universiti Teknologi Mara

Kota Kinabalu dan Asia Metro College Kota Kinabalu.

Antara sukan yang dipertandingkan adalah bola sepak sembilan sebelah, futsal wanita, bola keranjang lelaki dan wanita, bola jaring dan bola tampar lelaki dan wanita, sepak takraw dan bola jaring.

Mary ketika merasmikan kejohanan itu berkata, pengaturan kejohanan itu buat julung kalinya merupakan satu kejayaan memberi peluang dan ruang kepada warga IPT negeri ini mengetengahkan bakat sambil berinteraksi.

Katanya, kejohanan itu sewajarnya dijadikan acara tahunan kerana pembangunan sukan melibatkan proses yang berterusan.

Beliau berkata, kementeriannya akan sentiasa memberi sokongan dan galakan dengan usaha pengaturan sukan seperti itu.

Sambil itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dalam

ucapan sebelumnya berkata, pengaturan edisi pertama kejohanan itu direalisasikan atas kepercayaan dan dana Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

"Penganjuran ini akan diteruskan pada masa akan datang bagi memberi peluang khususnya kepada pelajar IPT di Sabah untuk bersama-sama merasai suasana kejohanan besar seperti sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia dan Sukan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.

"Walaupun kejohanan ini melibatkan penyertaan IPT di Sabah sahaja, namun ia juga merupakan platform untuk pemilihan atlet dalam menonjolkan bakat pelajar agar dapat diketengahkan di peringkat lebih tinggi," tambahnya.

Turut besama pada majlis itu adalah Setiausaha Bahagian Sukan KPT, Hazally Jali dan Timbalan Naib Canselor (HEP dan Alumni) UMS, Prof. Madya Dr. Ismail Ali. - Oleh VITALIS G BINGKASAN



MARY (kiri di depan) dan Harun (tiga dari kiri di depan) bersama tetamu kehormat lain menyentuh bebola elektrik bagi merasmikan Kejohanan Sukan IPT Sabah di UMS kelmarin.



MARY (dua dari kanan di depan) menyampaikan cenderkenangan kepada salah satu pasukan yang mengambil bahagian pada Kejohanan Sukan IPT Sabah di UMS.